

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan mengapa Kilang Pembuatan Ais Persatuan Nelayan Negeri Pahang mengandungi kandungan logam berat yang melebihi had yang dibenarkan sehingga dipaksa tutup oleh Pejabat Kesihatan Kuantan pada tarikh 20 Julai 2020. Adakah pihak Kementerian bercadang membuka peluang kepada kilang-kilang lain untuk turut terlibat dalam membekalkan ais kepada nelayan-nelayan di Kuantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan (PKDK) telah mengarahkan supaya kilang ais batu di Kompleks LKIM Kuantan memberhentikan operasi bermula 23 Julai sehingga 21 Ogos 2020 kerana berdasarkan ujian *sample* pada 10 Jun 2020, didapati bacaan parameter unsur kromium dalam ais batu berada pada tahap 0.08mg/liter iaitu melebihi daripada tahap yang dibenarkan sebanyak 0.05mg/liter.

2. Walau bagaimanapun, Persatuan Nelayan Kebangsaan (MEKMAT) selaku pemilik kilang ais telah membuat penambahbaikan dengan membuat saluran baru bagi membolehkan mendapan keluar apabila proses penukaran air dijalankan dan memastikan *filler* dibasuh sehingga bersih agar air dari *dipping tank* tidak bercampur dengan air bersih dari tangki utama. Keputusan persampelan kedua bertarikh 30 Julai 2020 oleh PKDK menunjukkan bacaan kromium dalam ais batu adalah berada pada tahap 0.03mg/liter.

3. Kementerian pada dasarnya tiada halangan sekiranya terdapat syarikat yang berminat untuk membekalkan ais kepada nelayan-nelayan di Kuantan. Secara purata, permintaan ais batu bagi musim biasa dalam Kompleks LKIM Kuantan adalah sebanyak 800 blok ais sehari, manakala bagi musim lambakan ikan (Ogos hingga November) keperluan ais batu meningkat sehingga 1,500 blok ais sehari.

4. Berdasarkan kapasiti semasa kilang ais batu NEKMAT di Kompleks LKIM Kuantan yang menghasilkan sebanyak 1,261 blok ais sehari, kekurangan ais semasa musim lambakan akan ditampung oleh Syarikat Armada Sdn. Bhd yang beroperasi di Tanjung Api, Kuantan yang boleh membekalkan ais 600 blok ais sehari. Pada masa ini, terdapat 14 kilang/syarikat ais batu yang beroperasi di negeri Pahang bagi tujuan perdagangan dan perniagaan.

Sekian, terima kasih.